

hadits yang karut seperti ini dan mengamalkannya dengan harapan akan mendapat kelebihannya!

(9) Sekian ramai 'ulama' hadits dari dahulu sampai ke hari ini telah menghukum hadits contoh keempat di atas dan hadits-hadits seumpamanya sebagai maudhu'. Antara mereka ialah al-Azdi, Ibnu al-Jauzi, adz-Dzahabi, Hāfīzh Ibnu Hajar, as-Suyuthi, Ibnu 'Arrāq, al-Albāni, al-Ghumāri dan lain-lain.

(10) Maka benarlah kata al-Albāni bahawa tidak ada satu pun hadits sahih tentang kelebihan memakai serban kecuali hadits-hadits yang menyatakan Nabi s.a.w. memang ada memakai serban. Semata-mata memakai serban, tanpa menyebutkan apa-apa kelebihannya pada pandangan agama.

(11) Memakai serban termasuk dalam budaya dan tradisi 'Arab. Umat Islam di setiap tempat tidaklah dituntut supaya terikat dengan mana-mana budaya dan tradisi 'Arab. Nabi s.a.w. sendiri selalu memakai serban kerana ia merupakan pakaian tradisi orang-orang 'Arab. Walaupun serban selalu dipakai oleh Rasulullah s.a.w., ia tetap tidak termasuk dalam Sunnah Nabi s.a.w. yang dituntut dalam Syari'at Islam kerana ada apa-apa kelebihannya yang tersendiri pada pandangan agama, malah ia termasuk dalam perkara harus sahaja seperti benda-benda lain yang lumrah digunakan oleh orang-orang 'Arab di zaman Baginda.

(12) Kebanyakan riwayat tentang serban hanyalah berupa cerita tentang Rasulullah s.a.w. memakainya dalam keadaan itu dan ini sesuai dengan adat bangsa 'Arab semasa. Kerana itu kebanyakan 'ulama' menyebutnya sebagai salah satu Sunnah 'Aadiyyah Baginda sahaja. Adapun hadits-hadits berupa ucapan dan kata-kata Baginda tentang kelebihan serban, maka semuanya dha'if, tidak ada satu pun daripadanya tsabit dan sahih seperti telah sama-sama kita lihat dalam perbincangan yang lalu.

Usul (68): Tidak ada satu pun hadits yang sahih mahupun hasan tentang keharusan atau keelokan beristighātsah dengan orang yang telah mati, baik di kuburnya atau bukan di kuburnya, baik nabi, wali atau siapa pun. Kalau pun ada apa yang dikatakan sebagai hadits, maka hanyalah maudhu' semata-mata, atau paling baik pun ia hanya hadits dha'if sangat. Di bawah ini adalah beberapa daripada contoh-contohnya:

Contoh Pertama:

إِذَا أَعْيَبَكُمْ الْأُمُورُ فَعَلَيْكُمْ بِأَصْحَابِ الْقُبُورِ أَوْ فَاسْتَغِيثُوا بِأَهْلِ الْقُبُورِ

Bermaksud: Apabila urusan / perkara meletihkan kamu, maka minta tolonglah dengan orang-orang yang telah mati.

Rujukan:

Ibnu Taimiyyah – Minhāj al-Sunnah j.1 m/s 483 & Majmū' al-Fatāwa j.1 m/s 356 & Qā'idah Jalīlah Fi at-Tawassul Wa al-Wasīlah j.2 m/s 323, Ighātsatul Lahfān j.1 m/s 215, al-'Ajalūni - Kasyful Khafā' j.1 m/s 85, Muhammad Rasyid Ridha – Majallah al-Manār j.7 m/s 936-937, Syamsuddin al-Afghāni – Juhūdu 'Ulama' al-Ĥanafīyyah Fi Ibthālī 'Aqā'id al-Qubūriyyah j.2 m/s 1148, 1277-1279, Ahmad asy-Syanqīthi – Bulūgh al-Amāni Fi ar-Radd 'Ala at-Tījāni m/s 29.

Komentar:

(1) Demikianlah lafaz yang dida'wa sebagai hadits itu di dalam kebanyakan kitab. Imam Mahmud al-Aalūsi (m.1270H) Mufti golongan Ĥanafīyyah di Baghdad dan al-'Ajalūni juga telah menukulkan satu hadits yang lain dengan lafaz:

إِذَا تَخَيَّرْتُمْ فِي الْأُمُورِ فَاسْتَغِيثُوا مِنْ أَهْلِ الْقُبُورِ

Bermaksud: Apabila kamu kehairanan / kebingungan dalam apa-apa perkara, mintalah pertolongan kepada orang-orang yang telah mati (ahlul qubur).

Kedua-duanya bagaimanapun mengandungi mafhum yang sama. Menurut al-'Ajalūni, ia tersebut di dalam al-Arba'in karangan Ibnu Kamal Bāsyā (Ahmad bin Sulaiman bin Kamal Bāsyā m.940). Lihat Kasyful Khafā' j.1 m/s 85.

(2) Jika dilihat kepada tarikh meninggal Ibnu Kamal Bāsyā, maka dapatlah dikatakan hadits itu mula-mula sekali telah didengar oleh Imam Ibnu Taimiyyah (m.728H) dari kalangan 'ulama' Sunni. Beliau di dalam buku-bukunya (seperti Majmū' Fatāwa, Minhāju as-Sunnah, ar-Raddu 'Ala al-Bakri dan lain-lain) telah menceritakan bagaimana seorang lelaki dari timur mengemukakan hadits tersebut ketika berhujjah dengan beliau, bahawa hadits itulah yang menjadi rujukan di sisi mereka tentang bolehnya meminta sesuatu kepada orang yang telah mati.

(3) Hadits itu tiada asalnya. Ia langsung tidak mempunyai sanad. Tidak tersebut di dalam mana-mana kitab pun sanadnya. Cuma ia dida'wa sebagai hadits Nabi s.a.w. khususnya oleh puak Quburiyyun dan sesetengah golongan Sufi.

Imam Ibnu Taimiyyah berkata, "Ini adalah hadits palsu yang diada-adakan atas nama Nabi s.a.w. mengikut ijma' orang-orang yang arif tentang hadits Baginda. Tiada seorang pun 'ulama' meriwayatkannya dan ia tidak terdapat di dalam mana-mana kitab hadits yang mu'tabar. (Lihat Qā'idah Jalīlah Fi at-Tawassul Wa al-Wasīlah j.2 m/s 323).

(4) Apa yang tersebut di dalam hadits itu jelas termasuk dalam bab istighātsah yang diharamkan dengan ijma' sekalian 'ulama', kerana ia merupakan kesyirikan. Sama sekali ia tidak termasuk dalam bab tawassul yang dibenarkan oleh ugama Islam.

Perlu sekali diketahui terlebih dahulu bahawa istighātsah (memohon pertolongan) terbahagi kepada tiga bahagian.

(i) Istighātsah atau memohon pertolongan kepada manusia yang masih hidup untuk menyelesaikan perkara yang mampu dilakukannya pada adat, ia adalah harus dan tidak salah di sisi agama. Seperti meminta tolong seseorang supaya menyelamatkan anak anda yang sedang lemas, menghantar anak anda ke sekolah, memasak makanan untuk anda, menjaga barang-barang anda daripada dicuri orang dan lain-lain.

(ii) Istighātsah atau memohon pertolongan kepada manusia yang telah mati atau masih hidup atau makhluk-makhluk ghaib yang lain untuk menyelesaikan perkara yang hanya dapat dilakukan oleh Allah sahaja tidak selainnya pula adalah suatu kesyirikan dan diharamkan. Kerana itu tidak harus meminta pertolongan daripada selain Allah untuk menyembuhkan penyakit (tanpa berubat), mengurniakan anak, memberi rezeki, memanjangkan umur, mematikan atas iman, melepaskan dari azab kubur, memasukkan ke dalam syurga dan lain-lain.

(5) Antara bukti kepalsuannya ialah ia bercanggah dengan sekian banyak ayat-ayat al-Qur'an. Lihat antara lainnya beberapa firman Allah di bawah ini:

.... وَالَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ مَا يَمْلِكُونَ مِنْ قِطْمِيرٍ ١٣٠ إِنَّ تَدْعُوهُمْ لَا يَسْمَعُوا دُعَاءَكُمْ وَلَوْ سَمِعُوا مَا اسْتَجَابُوا لَكُمْ ١٣١

وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكْفُرُونَ بِشِرْكِكُمْ وَلَا يُنَبِّئُكَ مِثْلُ خَبِيرٍ ١٣٢

Bermaksud: Dan orang-orang yang kamu seru selain Allah tiada mempunyai apa-apa walaupun senipis selaput biji kurma. (13)

Jika kamu menyeru mereka, mereka tiada mendengar seruanmu; dan kalau mereka mendengar (sekali pun), mereka tidak dapat memperkenankan permintaanmu. Dan dihari kiamat mereka akan mengingkari kemusyirikanmu dan tidak ada yang dapat memberi keterangan kepadamu sebagai yang diberikan oleh Yang Maha Mengetahui. (14). (Fāthir:13-14).

وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ﴿١٣﴾ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ لَا يَخْلُقُونَ شَيْئًا وَهُمْ يُخْلَقُونَ ﴿١٤﴾ أَمْوَاتٌ غَيْرُ أَحْيَاءٍ
وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿١٥﴾

Bermaksud: Dan Allah mengetahui apa yang kamu sembunyikan dan apa yang kamu zahirkan. (19)

Dan makhluk-makhluk yang mereka seru selain dari Allah itu tidak dapat menciptakan sesuatu apapun, bahkan merekalah yang diciptakan. (20).

Makhluk-makhluk itu mati, tidak hidup; dan mereka tidak mengetahui bilakah mereka akan dibangkitkan. (21). (an-Naḥl: 19-21)

(6) Keadaan asal orang yang telah mati dan telah dikebumikan menurut al-Qur'an ialah tidak mendengar. Hadits ini pula menyatakan ia mendengar, bukan sekadar mendengar malah dapat memberi pertolongan kepada orang-orang yang masih hidup di atas muka bumi. Lihat dua firman Allah di bawah ini sebagai buktinya:

وَمَا يَسْتَوِي الْأَحْيَاءُ وَلَا الْأَمْوَاتُ إِنَّ اللَّهَ يُسْمِعُ مَن يَشَاءُ وَمَا أَنتَ بِمُسْمِعٍ مَّن فِي الْقُبُورِ ﴿٢٢﴾

Bermaksud: Dan tidaklah (pula) sama orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Allah memberi pendengaran kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan kamu sekali-kali tidak dapat menjadikan orang yang didalam kubur dapat mendengar. (Fāthir:22).

إِنَّكَ لَا تُسْمِعُ الْمَوْتَى وَلَا تُسْمِعُ الصُّمَّ الدُّعَاءَ إِذَا وَلَّوْا مُدْبِرِينَ ﴿٢٣﴾

Bermaksud: Sesungguhnya kamu tidak dapat menjadikan orang-orang yang mati mendengar dan (tidak pula) dapat menjadikan orang-orang yang tuli mendengar seruanmu, apabila mereka telah berpaling membelakang. (an-Naml:80).

(7) Apabila seseorang manusia itu mati (meninggal dunia), tiada lagi kaitannya dengan dunia ini. Alam Barzakh itu bukan lagi tempat amalan baginya, sama ada untuk diri sendiri atau orang lain. Apa yang diusahakannya semasa hidup di dunia dahulu, itu sahajalah yang akan dibawanya ke akhirat yang bermula dengan Alam Barzakh. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ : صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.

Bermaksud: Apabila meninggal manusia, terputuslah amalannya melainkan daripada tiaga perkara: Sedekah jariah, atau ilmu yang diambil manfa'at dengannya, atau anak shāleḥ yang mendoakannya. (Hadits riwayat Ahmad, Muslim, Tirmidzi, Abu Daud, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan, Ibnu Khuzaimah dan lain-lain).

(8) Hadits yang dikemukakan sebagai contoh pertama itu juga bercanggah sekian banyak hadits sahih dan ḥasan. Antaranya dua hadits di bawah ini:

.... وَإِذَا سَأَلْتَ، فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعَنْتَ، فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ

Bermaksud: Dan apabila engkau meminta, maka mintalah kepada Allah, dan apabila engkau memohon pertolongan, maka mohonlah pertolongan kepada Allah. (Hadits riwayat Ahmad, Tirmidzi, at-Thabaraani dan al-Baihaqi).

عن حُذَيْفَةَ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - إِذَا حَزَبَهُ أَمْرٌ صَلَّى

Bermaksud: Ḥudzaifah meriwayatkan, katanya: Nabi s.a.w. apabila mengalami sesuatu perkara besar dan penting akan bersembahyang. (Hadits riwayat Abu Daud,

(9) Hadits itu seolah-olahnya menyatakan kuasa orang yang telah mati melebihi kuasa Allah s.w.t. Ia tidak menyuruh orang ditimpa bencana atau berada dalam sesuatu dilema meminta pertolongan kepada Allah, sebaliknya menyuruh dia meminta pertolongan kepada orang yang telah mati, tidak kiralah sama ada ia seorang nabi atau wali pada anggapannya.

(10) Meminta pertolongan kepada orang-orang yang telah mati untuk disempurnakan sesuatu hajat tidaklah termasuk dalam hukum sebab dan musabbab yang merupakan Sunnatullah. Sebagaimana ia ditolak oleh agama, ia juga ditolak oleh 'aql yang sejahtera.

(11) Memohon kepada orang-orang yang telah mati untuk disempurnakan sesuatu hajat sama ada secara langsung daripada mereka atau dengan menjadikan mereka sebagai perantara (wasilah) yang akan berdoa kepada Allah, tidak pernah dinukilkan daripada sesiapa pun dari kalangan as-Salaf as-Shāleḥ melakukannya. Tidak pernah dinukilkan dengan nukilan yang sahih daripada mana-mana Sahabat, Tabi'in atau Tābi' at-Tābi'in bahawa mereka ada pergi ke kubur Nabi s.a.w. sebagai contohnya untuk memohon kepada Baginda agar menyelesaikan perselsihan yang berlaku di antara mereka sebagaimana dilakukan oleh ahli bid'ah di zaman-zaman kemudian.

(12) Beristighātsah kepada orang mati atau orang yang sudah tiada, sama ada ia nabi atau wali tidak pernah disyariatkan dan tidak juga ia termasuk dalam amal shāleḥ. Sekiranya ia disyariatkan dan merupakan suatu amal shāleḥ, niscaya para sahabatlah orang mula-mula sekali akan melakukannya. Dan telah terbukti bahawa tiada siapa dari kalangan mereka pernah melakukannya, padahal banyak sekali telah berlaku di zaman mereka bencana, malapetaka atau lain-lain ujian besar yang memerlukan kepada pertolongan.

(13) Para 'ulama' berijma' tentang maudhu'nya hadits ini. Mereka cuma berbeza pandangan tentang siapakah yang telah bertanggungjawab mereka dan mengada-adakannya. Ada yang mengatakan ia hasil ciptaan puak Quburiyyun. Ada juga yang mengatakan ia hasil rekaan puak zindiq dan musyrikin untuk merosakkan agama Islam.

Contoh Kedua:

أَصَابَ النَّاسَ قَحْطٌ فِي زَمَنِ عُمَرَ، فَجَاءَ رَجُلٌ إِلَى قَبْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، اسْتَسْقِ لَأَمَّتِكَ فَإِنَّهُمْ قَدْ هَلَكُوا، فَأَتَى الرَّجُلَ فِي الْمَنَامِ فَقِيلَ لَهُ: " أَنْتَ عُمَرُ فَأَقْرِنُهُ السَّلَامَ، وَأَخْبِرْهُ أَنَّكُمْ مُسْتَقِيمُونَ وَقُلْ لَهُ: عَلَيْكَ الْكَيْسُ، عَلَيْكَ الْكَيْسُ "، فَأَتَى عُمَرَ فَأَخْبَرَهُ فَبَكَى عُمَرُ ثُمَّ قَالَ: يَا رَبِّ لَا أَلُو إِلَّا مَا عَجَزْتُ عَنْهُ.

Bermaksud: Pernah berlaku kemarau di zaman `Umar. Maka ada seorang lelaki pergi ke kubur Nabi s.a.w. dan dia berkata, "Wahai Rasulullah, mintalah hujan untuk umatmu. Sesungguhnya mereka telah binasa. Kemudiannya Rasulullah s.a.w. datang menemui orang itu dalam mimpinya. Lalu dikatakan kepadanya, "Pergilah kepada `Umar, dan sampaikan salamku kepadanya. Beritahulah kepadanya bahawa kamu akan mendapat hujan. Dan katakan juga kepadanya, "Berhatilah-hatilah engkau, berhatilah-hatilah engkau". Orang itu pun pergilah kepada `Umar dan memberitahunya tentang mimpinya itu. Maka menangislah `Umar. kemudian beliau berkata, "Oh Tuhanku, aku tidak cuai, kecuali apa yang tidak mampu aku lakukan."

Rujukan:

Ibnu Abi Syaibah – al-Mushannaf j.6 m/s 356, al-Baihaqi – Dalā'il an-Nubuwwah j.7 m/s 47, Ibnu `Abdīl Barr - al-Istī'āb j.1 m/s 355, Ḥāfīz Ibn Ḥajar – Faṭḥul Bārī j.2 m/s 494, Ḥāfīz Ibn Ḥajar – al-Ishābah j.6 m/s 274, Ibnu Abi Khaitamah – Tārīkh Ibnu Abi Khaitamah j.4 m/s 80, al-Muḥibbu at-Thabari – ar-Riyādh an-Nadhirah m/s 152, al-Albānī – at-Tawassul m/s 118.

Komentar:

(1) Atsar itu selengkapnya dengan bersanad telah dikemukakan oleh Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya seperti berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ، عَنِ الْأَعْمَشِ، عَنْ أَبِي صَالِحٍ، عَنْ مَالِكِ الدَّارِ، قَالَ: وَكَانَ خَازِنُ عُمَرَ عَلَى الطَّعَامِ، قَالَ: أَصَابَ النَّاسَ قَحْطٌ فِي زَمَنِ عُمَرَ، فَجَاءَ رَجُلٌ إِلَى قَبْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، اسْتَسْقِ لَأَمَّتِكَ فَإِنَّهُمْ قَدْ هَلَكُوا، فَأَتَى الرَّجُلَ فِي الْمَنَامِ فَقِيلَ لَهُ: " أَنْتَ عُمَرُ فَأَقْرِنُهُ السَّلَامَ، وَأَخْبِرْهُ أَنَّكُمْ مُسْتَقِيمُونَ وَقُلْ لَهُ: عَلَيْكَ الْكَيْسُ، عَلَيْكَ الْكَيْسُ "، فَأَتَى عُمَرَ فَأَخْبَرَهُ فَبَكَى عُمَرُ ثُمَّ قَالَ: يَا رَبِّ لَا أَلُو إِلَّا مَا عَجَزْتُ عَنْهُ.

Perawi paling atas di dalam sanad ini ialah Malik ad-Dār. Kata Abu Shāleḥ dia (Malik ad-Dār) adalah penjaga makanan di zaman pemerintahan `Umar. Lalu hadits seterusnya seperti di dalam contoh yang diberikan di atas dikemukakan oleh Malik.

(2) Al-Baihaqi juga telah mengemukakannya dengan sanad yang sama di bahagian atasnya. Ia juga berpunca daripada Malik ad-Dār. Lafaz kedua-duanya boleh dikatakan sama sahaja, kecuali satu dua perkataannya sahaja yang berbeza. Antaranya ialah perkataan مُسْتَقِيمُونَ di tempat perkataan مُسْتَقِيمُونَ di dalam Mushannaf. Di dalam terjemahan yang diberikan di atas penulis menterjemahkan perkataan مُسْتَقِيمُونَ (kamu akan mendapat hujan) bukan مُسْتَقِيمُونَ (kamu beristiqamah), kerana itulah yang bersesuaian dengan konteks.

(3) Atsar ini dijadikan dalil oleh golongan Quburiyyun untuk membuktikan keharusan menyeru Rasulullah s.a.w. selepas kewafatan Baginda, supaya mendoakan sesuatu untuk menyempurnakan hajat penyerunya, sama ada ketika ia berada berdekatan dengan kuburnya atau ketika berada jauh daripadanya.

Mereka lebih-lebih lagi terpedaya dengannya apabila mendapati kenyataan Hāfīzh Ibnu Hajar di dalam Fathul Bārī (j.2 m/s 575) bahawa Saif di dalam kitabnya al-Futūh meriwayatkan bahawa orang yang bermimpi yang tersebut di dalam hadits itu ialah Bilal bin al-Hārith al-Muzani, seorang sahabat Rasulullah s.a.w. Sebelum mengemukakan riwayat contoh kedua di atas pula Hāfīzh Ibnu Hajar menulis bahawa Ibnu Abi Syaibah telah meriwayatkannya dengan isnad yang sahih daripada riwayat Abu Shāleḥ as-Sammān daripada Malik ad-Dār.

(4) Para 'ulama' hadits yang datang kemudian mengkritik pentashihan Hāfīzh Ibnu Hajar terhadap atsar tersebut. Bagi mereka, itu termasuk dalam salah satu ketelanjuran beliau, atau kata-kata beliau itu harus dita'wilkan, lantaran tidak mungkin hadits seperti itu boleh menjadi sahih di sisi seorang yang pakar seperti Hāfīzh Ibnu Hajar.

Mana mungkin sesuatu hadits menjadi sahih dan boleh dijadikan hujah kalau paksi (مدار) sanadnya adalah seorang majhul yang tidak diketahui siapa namanya?! Walaupun namanya ada tersebut di dalam riwayat Saif, tetapi riwayat itu langsung tiada nilainya, kerana ia hanya diriwayatkan oleh Saif bin 'Umar at-Tamīmi yang disepakati para muḥaddithīn tentang kedha'ifannya. Ibnu Hibbaan bahkan telah berkata, "Dia (Saif) meriwayatkan hadits-hadits maudhu' daripada perawi-perawi yang teguh. Para 'ulama' hadits juga berkata, dia selalu mengada-ngadakan (mereka) hadits. Dia juga telah dikatakan sebagai zindiq." (Lihat al-Majrūhīn j.1 m/s 345).

(5) Syeikh Bin Bāz menulis di dalam Ta'liqātnya terhadap Kitab Fathul Bāri setelah Hāfīzh Ibnu Hajar mentashihkan atsar itu begini:

“Aksar ini jika diandaikan sahih sekalipun sebagaimana kata Syāriḥ (Hāfīzh Ibnu Hajar), tidak boleh dijadikan hujah tentang harusnya meminta hujan kepada Nabi s.a.w. (walaupun dengan meminta Nabi berdoa kepada Allah supaya menurunkan hujan) selepas kewafatan Baginda. Kerana peminta yang tersebut di dalam atsar itu adalah seorang yang majhul. Amalan para sahabat juga menyalahinya, sedangkan merekalah orang yang paling mengetahui tentang Syara'. Tiada siapa pun dari kalangan mereka pernah pergi ke kubur Nabi s.a.w. untuk meminta hujan dan lain-lain kepadanya. 'Umar sendiri bila berlaku kemarau, tidak ke kubur Nabi, sebaliknya meminta 'Abbaas (yang masih hidup ketika itu) supaya berdoa meminta hujan (kepada Allah). Perbuatan beliau itu tidak dibantah oleh sesiapa pun. Dari itu diketahui bahawa cara itulah yang benar (untuk meminta hujan), dan perbuatan orang yang tersebut di dalam atsar ini adalah mungkar dan merupakan sarana yang boleh membawa kepada kekufuran. Sesetengah ahli ilmu bahkan telah menganggap ia sebagai salah satu bentuk kesyirikan. Riwayat Saif yang menyebut nama Bilal bin al-Hārith sebagai orang yang meminta hujan di kubur Nabi s.a.w. itu adalah tidak sahih. Syāriḥ (Hāfīzh Ibnu Hajar) tidak menyebut pun sanad Saif itu. Jika diandaikan ia sahih sekalipun, tetap juga tidak boleh dijadikan hujah, kerana amalan para sahabat besar menyalahinya, sedangkan merekalah orang yang paling mengetahui tentang Rasulullah s.a.w. dan Syari'atnya melebihi orang-orang lain. والله أعلم.”

(6) Terdapat seperkara lagi yang boleh mengelirukan pada kata-kata Hāfīzh Ibnu Hajar tentang Malik ad-Dār (Lihat di bawah biografi Malik bin 'Iyādh) bahawa dia sempat dengan Nabi s.a.w. (له إدراك). Kata-kata beliau ini telah disalahgunakan oleh golongan Quburiyyun, kata mereka Malik ad-Dār itu sendiri adalah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. menurut Hāfīzh Ibnu Hajar. Jadi tidak timbul lagi soal majhul atau tidak majhulnya orang yang meminta di kubur Nabi supaya Baginda berdoa meminta hujan kepada Allah itu.

Orang-orang yang terkeliru dengan kata-kata Hāfīzh Ibnu Hajar itu sebenarnya tidak mengetahui metode beliau dalam penyusunan kitabnya al-Ishābah. Nama Malik bin 'Iyādh itu diletakkan oleh Hāfīzh Ibnu Hajar pada bahagian ketiga di dalam kitab tersebut. Ia dikhususkan untuk nama-nama orang-orang yang sempat dengan zaman

jahiliyah dan zaman Islam (المخضرمين), dan tidak tersebut di dalam mana-mana riwayat pun mereka sempat bersama Nabi s.a.w. atau pernah melihat Baginda s.a.w. sama ada ia telah memeluk Islam semasa hayat Nabi atau pun tidak.

Orang-orang seperti ini tidak dikira sebagai sahabat Nabi s.a.w. dengan ittifaq sekalian orang yang ada pengetahuan tentang hadits walaupun sedikit. Hakikat ini telah disebutkan oleh Hāfīz Ibnu Ḥajar sendiri di dalam Muqaddimah kitab al-Ishābah (j.1 m/s 4). Beliau juga telah menukilkan kata-kata Ibnu Sa'ad di dalam kitab yang sama tentang Malik ad-Dār bahawa dia termasuk dalam thabaqah pertama Tabi'in di Madinah. (Lihat al-Ishābah j.6 m/s 216).

(7) Al-A'masy telah meriwayatkan atsar itu secara 'an'anah, sedangkan dia seorang mudallis. Riwayatnya secara 'an'anah memungkinkan sanad itu terputus di antaranya dengan perawi di atasnya Abu Shāleḥ. Abu Shāleḥ juga meriwayatkannya secara 'an'anah. Di situ juga ada kemungkinan terputus sanad, walaupun dia tidak terkenal sebagai mudallis. Sebabnya ialah tidak diketahui pada tahun berapakah Malik ad-Dār itu meninggal dunia. Maka tidak diketahui juga sama ada Abu Shāleḥ sempat menerima riwayat itu daripadanya pada umur yang melayakkannya menerima riwayat atau pun tidak.

(8) Riwayat itu bercanggah dengan apa yang tsabit dalam Syara' melalui sekian banyak hadits yang sahih tentang eloknya (mustahabnya) mendirikan shalat istisqā' (shalat untuk meminta hujan) apabila berlaku kemarau. Inilah yang dilakukan oleh umat sepanjang zaman.

(9) Ia juga bercanggah dengan firman Allah di dalam Surah Nūḥ:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾

Bermaksud: maka aku katakan kepada mereka: "Mohonlah ampun kepada Tuhanmu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun, (10) niscaya Dia akan mengirimkan hujan kepadamu dengan lebat, (11) (Nūḥ:10-11).

Melalui firmanNya ini, Allah mengajarkan kepada manusia apabila mengalami kemarau, mereka hendaklah beristighfar kepadaNya. Bukan pergi ke kubur Nabi dan memintanya supaya meminta hujan kepada Allah.

(10) Saiyyidina `Umar sendiri berdasarkan atsar-atsar yang memang sahih, apabila berlaku kemarau di zamannya bershalat istisqā` beramai-ramai. Beliau kadang-kadang bertawassul dengan `Abbaas bapa saudara Rasulullah yang masih hidup lagi pada ketika itu, dengan memintanya supaya menjadi kepala dalam berdoa untuk meminta hujan kepada Allah s.w.t. Kadang-kadang beliau beristighfar sahaja seperti dianjurkan oleh Allah di dalam Surah Nūh tadi. Lihat atsar `Umar berkenaan di bawah ini:

عَنِ الشَّعْبِيِّ: أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ خَرَجَ يَسْتَسْقِي فَصَعِدَ الْمِنْبَرَ فَقَالَ: {اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ أَنَّهُ كَانَ غَفَارًا يُرْسِلَ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيُمْدِدْكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا} ، {اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ أَنَّهُ كَانَ غَفَارًا} ، ثُمَّ نَزَلَ فَقَالُوا: يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ لَوْ اسْتَسْقَيْتَ ، فَقَالَ: لَقَدْ طَلَبْتُهُ بِمَجَادِيحِ السَّمَاءِ الَّتِي يُسْتَنْزَلُ بِهَا الْقَطَرُ.

Bermaksud: Asy-Sya`bi meriwayatkan bahawa pernah `Umar bin al-Khatthāb keluar untuk meminta hujan. Beliau menaiki mimbar lalu membaca firman Allah (yang bermaksud): “.... Mohonlah ampun kepada Tuhanmu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun, (10) niscaya Dia akan mengirimkan hujan kepadamu dengan lebat, (11) dan membanyakkan harta dan anak-anakmu, dan mengadakan untukmu kebun-kebun dan mengadakan (pula di dalamnya) untukmu sungai-sungai. (12). (Nūh:10-12).

Mohonlah ampun kepada Tuhanmu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun.” Kemudian beliau turun dari mimbar. Lalu orang ramai berkata, “Wahai Amir al-Mu`minīn, alangkah baiknya kalau engkau meminta hujan juga (secara khusus). Maka kata beliau, “Sesungguhnya aku telah meminta hujan dengan (mengikuti arahan) ayat-ayat dari langit yang diminta turun hujan dengannya.” (Atsar riwayat Ibnu Abi Syaibah, `Abdur Razzaaq, Sa`id bin Manshūr, al-Baihaqi dan lain-lain).

Berdasarkan sekian banyak atsar yang sahih juga, tidak diketahui baik Saiyyidina `Umar mahupun sahabat-sahabat yang lain pernah ke kubur Nabi s.a.w. untuk meminta Baginda berdoa meminta hujan kepada Allah pada mana-mana musim kemarau yang berlaku sepanjang zaman pemerintahan beliau. Yang ada hanya mereka sendirilah yang masih hidup itu meminta hujan kepada Allah seperti yang diajarkan oleh Allah di dalam al-Qur`an dan diajarkan RasulNya ketika Baginda masih hidup bersama mereka dahulu.